

PENYATA

OLEH

**JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN,
KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (SPECIAL
SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY
AND TRANSPARENCY - SELCAT)**

DEWAN NEGERI SELANGOR

**Berhubung Pemberian/Sumbangan/Derma/Hadiah Atau Apa-Apa Bentuk
Kewangan Yang Diberikan Oleh Kerajaan Negeri, Agensi, Badan Berkanun
Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Kepada**

Badan Amal Dan Kebajikan Isteri-Isteri Selangor

(BALKIS)

KANDUNGAN

BIL PERKARA

MUKASURAT

1	MUKADIMAH	3
	Saksi-saksi	
2	PENEMUAN-PENEMUAN SELCAT	4
	Latar Belakang BALKIS	
	Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor	
	Butir-butir sokongan kewangan secara langsung kepada BALKIS	
	Sokongan Kewangan Secara Tidak Langsung	
	Kerajaan Negeri dan BALKIS	
	PKPS dan BALKIS	
	KDEB dan BALKIS	
	Pemberian oleh PKNS kepada BALKIS	
	Pemberian oleh PNSB kepada BALKIS	
	Pejabat Menteri Besar dan BALKIS	
3	RUMUSAN	19
4	CADANGAN DAN SARANAN	20

Penyata oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) Dewan Negeri Selangor ke atas pemberian/sumbangan/derma/hadiah atau apa-apa bentuk kewangan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri, agensi, badan berkanun dan anak syarikat Kerajaan Negeri kepada Badan Amal Dan Kebajikan Isteri-isteri Selangor (BALKIS).

MUKADIMAH

1. SELCAT telah mengadakan pendengaran awam pada 23hb hingga 27hb Mac, 30hb Mac dan 1hb April, 2009 bagi menyiasat pemberian/sumbangan/derma/hadiah atau apa-apa bentuk kewangan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri, agensi, badan berkanun dan anak syarikat Kerajaan Negeri kepada Badan Amal Dan Kebajikan Isteri-isteri Selangor (BALKIS).
2. Siasatan ini bertujuan mengkaji semua bentuk sokongan kewangan Kerajaan Negeri sama ada secara langsung atau secara tidak langsung kepada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan untuk memastikan pemberian sokongan kewangan sedemikian mematuhi dasar, peraturan-peraturan dan garis panduan yang ditetapkan.
3. Pemberian sokongan kewangan kepada BALKIS telah dipilih untuk dikaji kerana BALKIS telah didapati dibubarkan secara mendadak dan memindahkan keseluruhan baki wangnya berjumlah kira-kira RM9.9 juta kepada sebuah badan bernama BAKTI sejurus selepas pilihan raya umum yang berlangsung pada 8hb Mac 2008 sebagaimana yang dimaklumkan kepada Dewan Negeri oleh Kerajaan Negeri pada sidang Dewan Negeri pada Mei 2008.
4. Dewan Negeri juga dimaklumkan bahawa BALKIS telah mempunyai rekod perbelanjaan yang luar biasa.
5. Sebelum pendengaran awam diadakan, SELCAT telah menjalankan siasatan melalui keterangan bertulis dan kajian ke atas dokumen-dokumen yang dibentangkan.

Saksi-saksi

6. Seramai 14 orang saksi telah dipanggil oleh SELCAT untuk menghadiri pendengaran awam bagi membantu siasatan dan kajian SELCAT, iaitu:-

- (a) Y.B. Dato' Ramli bin Mahmud, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor;
- (b) Tuan Hj Mohd Nordin bin Darhan, Pemangku-Pengurus Besar PKPS;
- (c) Y.Bhg. Dato' Hj Abd. Karim bin Munisar, Presiden KDEB;
- (d) Y.Bhg. Dato' Hj Harun bin Salim, bekas Pengurus Besar PKNS;
- (e) Datin Hajah Khairiah bt Abu Hassan, Ketua Eksekutif PNSB;
- (f) Encik Yee Choon Kong, Akauntan Bertauliah;
- (g) Puan Norzaton Aini bt Mohd Kassim;
- (h) Y.Bhg. Dato' Hj Mohamed Khusrin bin Hj Munawi, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor;
- (i) Puan Tairah bt Yusof, Pegawai Pendaftar, Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Negeri Selangor;
- (j) Puan Hafizatul Akmal bt Abdul Jalil, Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Dakwah Ar-Riqab, Majlis Agama Islam Selangor;
- (k) Encik Mohamad Yunus bin Jamil, Pengarah Pendaftaran Pertubuhan Negeri Selangor;
- (l) Y. Bhg. Puan Sri Asbi Rohani bt Asnan, bekas Yang Dipertua BALKIS;
- (m) Y.B. Dato' Seri Dr Mohamad Khir bin Toyo, bekas Menteri Besar Negeri Selangor;
- (n) Y. Bhg. Datin Seri Zaharah bt Kechik, bekas Yang Dipertua BALKIS.

7. Kesemua saksi telah hadir di pendengaran awam SELCAT melainkan Y.B. Dato' Seri Dr Mohamad Khir bin Toyo dan Datin Seri Zaharah bt Kechik.

PENEMUAN-PENEMUAN SELCAT

Latar Belakang BALKIS

8. BALKIS telah didaftarkan sebagai sebuah pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan 1966 pada 25 Mac 1986¹.

¹ M/s 143 Ikatan Dokumen

9. Menurut seksyen 5.1(a) dan (b), Perlembagaan BALKIS yang diluluskan pada 17hb Mac 1985², terdapat 2 jenis keahlian BALKIS, seperti berikut:-

“5.1(a) Ahli Biasa

(1) Terdiri daripada isteri Menteri Besar, Speaker, Ahli-ahli Exco, Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor dan Dewan Rakyat, Dewan Negara dalam Negeri Selangor sahaja.

(2) Ahli Dewan Negeri, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negara wanita dalam negeri Selangor sahaja.

“5.1(b) Ahli Bersekutu

(1) Terdiri dari isteri-isteri bekas Menteri Besar, Ahli-ahli Exco, Speaker, Dewan Undangan Negeri, Dewan Rakyat dan Dewan Negara dalam Negeri Selangor dan isteri-isteri Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, Orang-orang Kenamaan dan perseorangan dalam Negeri Selangor sahaja.”

10. Perbezaan di antara Ahli Biasa dan Ahli Bersekutu ialah di mana Ahli Bersekutu tidak boleh mengundi dalam Mesyuarat Agung, menurut seksyen 5.1(b)(3)³.
11. Walau bagaimanapun, Pendaftar Pertubuhan telah membenarkan pindaan perlembagaan BALKIS pada 6hb Disember 1988⁴ di mana Ahli Bersekutu dalam seksyen 5.1(b)(1) dijadikan Ahli Biasa dan oleh itu seksyen 5.1(b)(1) dipinda menjadi seksyen 5.1(a)(3)⁵.
12. Sementara itu, Ahli Bersekutu dalam seksyen 5.1(b)(1)⁶ adalah “terdiri daripada isteri-isteri dan balu-baluk bekas pegawai-pegawai kanan Kerajaan, orang-orang kenamaan dan bekas pegawai Kerajaan wanita dalam Negeri Selangor sahaja.”
13. Adalah nyata bahawa BALKIS bukan sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang biasa kerana keahlian BALKIS adalah terhad, eksklusif dan mempunyai hubungan rapat dengan Kerajaan Negeri.

² M/s 127 Ikatan Dokumen

³ M/s 127 Ikatan Dokumen

⁴ M/s 137 Ikatan Dokumen

⁵ M/s 138 Ikatan Dokumen

⁶ M/s 138 Ikatan Dokumen

14. Hubungan rapat di antara BALKIS dan Kerajaan Negeri Selangor dapat juga diperhatikan daripada alamat berdaftar BALKIS iaitu Pejabat Menteri Besar Selangor, Tingkat 21, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.
15. Tambahan, Seksyen 9.3(a) Perlembagaan BALKIS juga memperuntukkan bahawa Isteri Menteri Besar adalah Yang Dipertua BALKIS.

Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor

16. Menurut Keterangan Bertulis⁷ yang telah diikrarkan oleh Y.B. Dato' Ramli bin Mahmud ("Dato' Ramli"), Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, agensi, badan berkanun dan anak syarikat kerajaan Negeri Selangor di bawah Perbadanan Menteri Besar (MBI) ("Anak Syarikat Selangor") adalah seperti berikut:-
 - (a) Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB);
 - (b) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS);
 - (c) Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB);
 - (d) Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS);
 - (e) Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (PIYSB); dan
 - (f) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
17. Dato' Ramli juga dalam satu keterangan bertulis lanjutan⁸ memaklumkan bahawa terdapat 2 anak syarikat di bawah PIYSB iaitu:-
 - (a) Universiti Industri Selangor (UNISEL); dan
 - (b) INPEN (Selangor) Sdn Bhd.
18. Siasatan awal sebelum pendengaran awam diadakan menunjukkan bahawa selain daripada Kerajaan Negeri, Anak Syarikat Selangor yang telah pernah sokongan kewangan kepada BALKIS adalah KDEB, PKPS, PNSB, PKPS dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

⁷ M/s 16 Ikatan Dokumen

⁸ M/s 31 Ikatan Dokumen

Butir-butir sokongan kewangan secara langsung kepada BALKIS

19. Pada semua masa yang berkenaan, pihak-pihak yang telah memberi sokongan kewangan kepada BALKIS dan jumlah sokongan kewangan masing-masing adalah seperti berikut:-

(a) 1.8.2007 Kerajaan Negeri Selangor (Program Tahunan Isteri Wakil-wakil Rakyat Se-Malaysia 2007)	RM 450,000.00 ⁹
(b) 22.5.2006PKPS (Sewa khemah)	RM 43,630.00
(c) 13.9.2006PKPS (Hamper buah-buahan)	RM 2,470.00
(d) 24.7.2002 KDEB (Majlis Makan Malam BALKIS)	RM 100,000.00
(e) 16.12.2004 KDEB (Derma)	RM 200,000.00
(f) 5 & 24.10.2006 KDEB (Paper bag)	RM 10,260.00
(g) 5 & 24.10.2006 KDEB (Mug)	RM 18,270.00
(h) 16.2.2006 KDEB (Songket)	RM 65,312.00
(i) 14.8.2006 KDEB (High Tea)	RM 1,000.00
(j) 23.3.2007 KDEB (Hadiah dan cenderahati)	RM 20,000.00
(k) 18.4.2007 KDEB (Makan Malam BALKIS)	RM 10,000.00
(l) 7.5.2007 KDEB (Tiket penerbangan ke China)	RM 17,438.00
(m) 23.5.2007 KDEB (Hadiah dan cenderahati)	RM 206,574.89
(n) 18.9.2007 KDEB (Kotak dan coklat)	RM 12,850.00

⁹ Perenggan 3, m/s 2 Ikatan Dokumen dan perenggan 2, m/s 14 Ikatan Dokumen

¹⁰ M/s 38 Ikatan Dokumen

(o) 18.9.2007 (Coklat)	KDEB	RM	12,000.00
			RM 673,704.89 ¹¹
(p) PKNS		RM	590,379.60
(q) PKNS:Selangor Industrial Corporation		RM	35,000.00
(r) PKNS:PKNS Infra Bhd		RM	31,000.00
(s) PKNS: Selaman Sdn Bhd		RM	30,000.00
(t) PKNS: PKNS Engineering & Construction		RM	13,000.00
(u) PKNS: Worldwide Holdings Bhd		RM	295,085.00
			RM 958,464.60 ¹²
(v) Tahun 2002	PNSB	RM	739,029.83 ¹³
(w) Tahun 2003	PNSB	RM	1,647,477.87 ¹⁴
(x) Tahun 2004	PNSB	RM	460,930.35 ¹⁵
(y) Tahun 2005	PNSB	RM	439,875.00 ¹⁶
(z) Tahun 2006	PNSB	RM	924,024.18 ¹⁷
(aa) Tahun 2007	PNSB	RM	975,250.97 ¹⁸
			<u>RM5,186,588.20</u>
	Jumlah Besar		<u>RM7,314,857.69</u>

Sokongan kewangan secara tidak langsung

20. Selain daripada sokongan kewangan secara langsung yang diberikan oleh Anak Syarikat Selangor kepada BALKIS, terdapat juga sokongan kewangan secara tidak langsung yang telah diberikan oleh BALKIS.
21. PKNS telah melalui surat tawaran bertarikh 7hb Februari 2002 menawarkan 2 bidang tanah yang dikenali sebagai Tapak Institusi No. 5 dan No. 7, Jalan Kristall 7/64. Seksyen 7, Shah Alam dengan harga RM584,552.44 yang akan dibayar oleh Kerajaan Negeri bagi pihak BALKIS. Walau bagaimanapun, jumlah ini kemudian memutuskan untuk tidak membayar bagi pihak BALKIS. Harga tawaran tersebut¹⁹.

¹¹ M/s50 Ikatan Dokumen

¹² M/s 72 Ikatan Dokumen

¹³ M/s 85 Ikatan Dokumen

¹⁴ M/s 87 Ikatan Dokumen

¹⁵ M/s 88 Ikatan Dokumen

¹⁶ M/s 89 Ikatan Dokumen

¹⁷ M/s 90 Ikatan Dokumen

¹⁸ M/s 92 Ikatan Dokumen

¹⁹ M/s 72 Ikatan Dokumen

22. Menurut Y.B. Dato' Hj Harun bin Salim ("Dato' Harun"), bekas Pengurus Besar PKNS, harga tanah yang ditawarkan adalah RM5.78 satu kaki persegi sedangkan harga pasarannya adalah RM15.00²⁰.
23. Sementara itu mulai tahun 2006, menurut Dato' Hj Mohammed Khusrin bin Hj Munawi ("Dato' Khusrin"), Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) merangkap Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), MAIS telah memberi sumbangan RM6,600.00 sebulan kepada BALKIS untuk menggaji 5 orang kakitangan BALKIS.
24. Selepas itu, MAIS telah menukar cara sumbangannya dengan mewujudkan jawatan dalam MAIS bagi menggaji kakitangan untuk BALKIS²¹.

Kerajaan Negeri dan BALKIS

25. Kerajaan Negeri telah member *grant one-off* sejumlah RM450,000.00 kepada BALKIS untuk menganjurkan jamuan malam sempena Program Tahunan Isteri Wakil-wakil Rakyat Se-Malaysia 2007 seperti berikut:-
- (a) Makan malam majlis perasmian pada 2hb Ogos 2007, di Sunway Resort Hotel & Spa;
 - (b) Majlis Santapan Bersama DYMM Sultan Selangor pada 3hb Ogos 2007 di Sunway Resort Hotel & Spa;
 - (c) Majlis Makan Malam Perdana pada 4hb Ogos 2007 di Sunway Lagoon Theme Park.
26. Dato' Ramli dalam keterangan bertulis beliau mengaku bahawa tidak menetapkan dasar, peraturan dan garis panduan yang khusus bagi memberikan sumbangan, derma atau hadiah kepada badan bukan kerajaan, (NGO).
27. Dato' Ramli juga mengesahkan bahawa dasar, peraturan dan garis panduan pemberian sumbangan, derma atau hadiah bagi anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor adalah ditentukan oleh anak syarikat masing-masing.

²⁰ M/s 33-34 Ikatan Dokumen

²¹ M/s 3-8 Keterangan Dato' Khusrin

PKPS dan BALKIS

28. Pemangku Pengurus Besar PKPS, Tuan Hj Mohd Nordin bin Darhan ("Nordin"), memberi keterangan bahawa PKPS tiada dasar khusus dalam pemberian sokongan kewangan kepada mana-mana pihak.
29. Beliau juga menjelaskan pada umumnya PKPS boleh memberi sokongan kewangan kepada mana-mana pihak mengikut peruntukan yang telah diluluskan dalam bajet tahunan PKPS dalam kod derma dan sumbangan tetapi tiada kriteria-kriteria yang khusus ditetapkan.
30. Pada tahun 2006, bajet untuk derma dan sumbangan PKPS adalah RM100,000.00 dan daripada itu sejumlah RM46,100.00, iaitu kira-kira 46%, telah diberikan kepada BALKIS.
31. Adalah jelas daripada keterangan Nordin bahawa keistimewaan telah diberikan kepada BALKIS dalam pemberian sokongan kewangan tersebut atas alas an-alasan berikut:-
 - (a) terdapat arahan semasa mesyuarat yang dipanggil oleh Kerajaan Negeri untuk memberikan sumbangan kepada BALKIS;
 - (b) permohonan sumbangan oleh BALKIS lebih merupakan tuntutan yang dibuat selepas program;
 - (c) jumlah sumbangan adalah ditentukan selepas program; dan
 - (d) PKPS membayar terus kepada pembekal selepas program.

KDEB dan BALKIS

32. Dari 2002 hingga 2007, KDEB telah memberi sokongan kewangan sejumlah RM 673,704.89 kepada BALKIS dan butir-butirnya adalah seperti berikut:-

(a) 24.7.2002	RM 100,000.00
(Majlis Makan Malam BALKIS)	
(b) 16.12.2004	RM 200,000.00
(Derma)	

(c) 5 & 24.10.2006 (Paper bag)	RM	10,260.00
(d) 5 & 24.10.2006 (Mug)	RM	18,270.00
(e) 16.2.2006 (Songket)	RM	65,312.00
(f) 14.8.2006 (High Tea)	RM	1,000.00
(g) 23.3.2007 (Hadiah dan cenderahati)	RM	20,000.00
(h) 18.4.2007 (Makan Malam BALKIS)	RM	10,000.00
(i) 7.5.2007 (Tiket penerbangan ke China)	RM	17,438.00
(j) 23.5.2007 (Hadiah dan cenderahati)	RM	206,574.89
(k) 18.9.2007 (Kotak dan coklat)	RM	12,850.00
(l) 18.9.2007 (Coklat)	RM	12,000.00

33. Presiden KDEB, Y.Bhg. Dato' Haji Abd Karim bin Munisar ("Dato Karim"), dalam keterangannya menyatakan bahawa KDEB tidak menetapkan dasar atau garis panduan dalam pemberian sokongan kewangan kepada NGO termasuk BALKIS.
34. KDEB menganggap pemberian sedemikian sebagai tanggungjawab sosial korporat (*social corporate responsibility*) ("CSR"). KDEB memperuntukkan RM1 juta hingga RM3 juta untuk melaksanakan CSR tersebut.
35. Walau bagaimana pun, beliau bersetuju adalah elok sekiranya ditetapkan garis panduan untuk pemberian sedemikian.
36. Berhubungan dengan BALKIS, wakil KDEB menghadiri mesyuarat yang melibatkan BALKIS dan Kerajaan Negeri dan diminta untuk memberi sumbangan.
37. Sumbangan KDEB adalah dalam bentuk pemberian secara langsung dan juga dalam bentuk pembayaran terus kepada pembekal.
38. Sumbangan melalui pembayaran terus kepada pembekal adalah perkara-perkara dalam perenggan 32 seperti RM10,260.00 (*paper bag*),

RM18,270.00(*mug*),RM65,312.00 (songket), RM20,000.00 (hadiah dan cenderahati), RM17,438.00 (tiket penerbangan ke China), RM206,574.89 (hadiah dan cenderahati), RM12,850.00 (kotak dan coklat) dan RM12,000.00 (coklat).

39. Dato' Karim mengakui bahawa KDEB tidak mempersoalkan kewajaran perbelanjaan tersebut.
40. Beliau juga mengakui bahawa BALKIS amat berpengaruh sehinggakan KDEB juga menghantar wakil ke mesyuarat jawatankuasa BALKIS dengan menyatakan bahawa itu adalah realiti.

Pemberian oleh PKNS kepada BALKIS

41. Pada semua masa yang berkenaan, PKNS dan anak-anak syarikatnya telah menyumbang sejumlah RM958,464.60 kepada BALKIS dan butir-butir adalah seperti berikut:-

(a) PKNS	RM 590,379.60
(b) PKNS:Selangor Industrial Corporation	RM 35,000.00
(c) PKNS:PKNS Infra Bhd	RM 31,000.00
(d) PKNS: Selaman Sdn Bhd	RM 30,000.00
(e) PKNS: PKNS Engineering & Construction	RM 13,000.00
(f) PKNS: Worldwide Holdings Bhd	RM 295,085.00

42. Selain daripada itu, PKNS juga pernah membuat tawaran bidang tanah dengan harga istimewa kepada BALKIS seperti yang dinyatakan dalam perenggan 21 dan 22 di atas.
43. Bekas Pengurus Besar PKNS, Y. Bhg. Dato Haji Harun bin Salim ("Dato Harun"), juga mengakui bahawa tiada dasar yang ditetapkan oleh PKNS dalam pemberian sumbangan kewangan secara hitam putih kepada NGO.
44. Walaupun beliau menyatakan PKNS bergantung kepada amalan dalam memberi sumbangan kepada persatuan dan aktiviti tertentu.
45. Dalam sumbangan kepada BALKIS, PKNS dan anak syarikatnya juga memberi sumbangan secara langsung dan membayar bil bagi pihak BALKIS. Malah PKNS akan merangkumkan semua bil di bawah tajuk BALKIS dan menghantarkannya ke Jawatankuasa Kewangan PKNS untuk memperoleh kelulusan.

46. BALKIS mempunyai pengaruh yang kuat memandangkan ia merupakan pertubuhan yang terdiri daripada isteri-isteri wakil rakyat di mana pengerusinya, Datin Seri Zaharah Kechik, adalah isteri Menteri Besar pada ketika itu.
47. Oleh yang demikian, anak-anak syarikat Kerajaan Negeri termasuk PKNS merasa terhutang budi, *feel obliged*, sebagaimana yang dinyatakan oleh Dato Harun dalam keterangan beliau, untuk memberi sumbangan apabila diminta untuk berbuat demikian.
48. Malah, apabila Dato Harun ditanya sama ada beliau menganggap BALKIS sebuah pertubuhan yang lebih istimewa daripada persatuan NGO yang lain, beliau menjawab, "*Honestly, I must say yes*".
49. Dato Harun juga menerangkan bahawa BALKIS merupakan pemohon sumbangan yang terbesar dan biasanya jawatankuasa penganjur akan membahagikan permohonan sumbangan BALKIS kepada anak-anak syarikat atau agensi-agensi.
50. Daripada dokumen tambahan yang dibentangkan oleh Dato' Harun, BALKIS telah memperoleh RM161,660.00 daripada PKNS dan RM147,085.00 daripada Worldwide Holdings Berhad (anak syarikat PKNS) untuk Program Tahunan Isteri Wakil Rakyat SeMalaysia 2007.
51. Ini bererti untuk Program Tahunan Isteri Wakil Rakyat SeMalaysia 2007, jumlah yang diperoleh oleh BALKIS daripada Kerajaan Negeri Selangor sejumlah RM450,000.00 dan daripada PKNS dan Worldwide Holdings Bhd telah mencecah RM758,745.00, tanpa mengambil kira sumber yang lain.
52. Dokumen tambahan juga menunjukkan bahawa untuk program perasmian Kompleks Wawasan BALKIS pada tahun 2006, PKNS sahaja telah menyumbang sejumlah RM218,719.60 melalui pembayaran bil BALKIS.
53. Jawatankuasa Kewangan yang mempertimbangkan dan meluluskan permohonan sumbangan kewangan PKNS adalah dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri.

PNSB dan BALKIS

54. Anak syarikat Kerajaan Negeri yang menjadi penyumbang kewangan terbesar kepada BALKIS adalah PNSB seperti:-

(a) Tahun 2002	PNSB	RM 739,029.83
(b) Tahun 2003	PNSB	RM1,647,477.87
(c) Tahun 2004	PNSB	RM 460,930.35
(d) Tahun 2005	PNSB	RM 439,875.00
(e) Tahun 2006	PNSB	RM 924,024.18
(f) Tahun 2007	PNSB	RM 975,250.97

RM5,186,588.20

55. Ini bererti bahawa dari 2002 hingga 2007, pada puratanya, PNSB telah menyumbang RM864,431.37 setiap tahun kepada BALKIS.
56. Ketua Eksekutif PNSB, Datin Hajah Khairiah bt Abu Hassan ("Datin Khairiah"), memberi keterangan menyatakan bahawa PNSB sememangnya memperuntukkan RM1 juta untuk disumbangkan kepada PNSB setiap tahun.
57. Bagi sebuah syarikat yang mempunyai pusingan modal *turnover* RM25 juta dan keuntungan kira-kira RM13 juta setahun, peruntukan sejumlah RM1 juta untuk BALKIS sahaja bagi melaksanakan CSR adalah terlalu tinggi dan tidak munasabah.
58. Penelitian ke atas senarai sumbangan PNSB kepada BALKIS mendedahkan bahawa PNSB memberi sumbangan tetap untuk menanggung kos operasi BALKIS dan ini telah pun diakui oleh Datin Khairiah apabila disoal oleh SELCAT.
59. Dari 2002 hingga 2007, terdapat sumbangan purata RM260,000.00 setahun daripada PNSB kepada BALKIS untuk menampung kos operasi BALKIS dan butir-butir adalah seperti berikut:-

7.2.2002	RM 250,000.00
7.5.2003	RM 250,000.00
13.1.2004	RM 110,000.00
2.1.2005	RM 200,000.00
23.3.2006	RM 250,000.00
6.2.2007	RM 250,000.00

4.9.2007

RM 250,000.00

RM1,560,000.00 (Purata RM260,000.00)

60. Sumbangan dari PNSB kepada BALKIS telah digunakan dengan cara yang boros, contohnya adalah seperti berikut:-

Tahun	Program	Sumbangan/Perbelanjaan
2002	Lawatan ke Cambodia	RM 82,227.84
2003	Perkahwinan saudara baru	RM148,280.00
2003	Deepavali	RM111,370.00
2003	<i>Hampers boxes</i>	RM140,000.00
2003	Aidilfitri	RM703,263.00
2003	Beg sekolah dan belanja	RM177,153.75
2003	Tahun Baru Cina	RM140,000.00
2004	Tahun Baru Cina	RM187,856.86

61. Pembayaran sumbangan oleh PNSB tidak di rekod dengan tatacara yang baik. Pegawai PNSB mengendalikan wang tunai yang banyak dan tanpa mengikut prosedur yang sepatutnya.
62. Malah PNSB didapati mengeluarkan tunai sejumlah RM240,000.00 untuk membeli hamper dengan cara *cash and carry*. Datin Khairiah tidak dapat member penjelasan yang memuaskan dalam hal ini.
63. Penelitian ke atas senarai sumbangan yang dikemukakan oleh PNSB juga menunjukkan bahawa PNSB menyumbang dengan pembayaran terus kepada pembekal dalam program Sukan Tahunan yang diadakan sempena Program Tahunan Isteri Wakil Rakyat SeMalaysia 2007 berjumlah RM338,547.97.
64. Jumlah RM338,547.97 di campur dengan jumlah sumbangan untuk jamuan berjumlah RM758,745.00 yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor, PKNS dan Worldwide Holdings Bhd adalah RM1,097,292.97.
65. Jumlah RM1.1 juta ini masih belum mengambil kira sumbangan yang diperoleh oleh pihak swasta yang tidak dirangkumi dalam siasatan ini.
66. PNSB juga didapati menaja lawatan ke luar negara oleh BALKIS dan perbelanjaan tersebut diselindungi dalam butiran sebagai kerja amal.

67. Sebagai contohnya, perbelanjaan RM34,6000.00 untuk Datin Seri Zaharah dan anggota BALKIS yang lain ke Hong Kong pada Mac 2006 diselindung di dalam butiran bayaran sumbangan kewangan bagi program amal BALKIS dan bayaran adalah dalam bentuk tunai²².
68. Perbelanjaan PNSB sejumlah RM88,388.00 untuk menaja BALKIS ke Tokyo pada Jun 2006 juga disorok di dalam butiran program amal BALKIS dan sumbangan kepada anak yatim dan ibu tunggal²³.
69. Pada 6.2.2007, atas arahan Datin Seri Zaharah, Presiden BALKIS, PNSB telah menanggung perbelanjaan tiket penerbangan berjumlah RM14,900.00 bagi membolehkan Datin Khairiah mengiringi Datin Seri Zaharah ke Melbourne untuk mengunjungi anaknya yang belajar di situ.
70. Dana PNSB sekali didapati disalahgunakan untuk melantik kakitangan BALKIS tetapi diletakkan di pejabat PNSB dan dibayar gaji oleh PNSB.
71. Dalam proses menyiasat sumbangan PNSB kepada BALKIS, SELCAT mendapati PNSB juga telah member sumbangan yang besar untuk menanggung kos lawatan ke luar negara oleh Dato Seri Dr Haji Mohamad Khir bin Toyo ("Dato Seri Khir"), Pengerusi PNSB, Menteri Besar Selangor pada ketika itu dan merupakan suami kepada Presiden BALKIS.
72. Perhubungan yang rapat di antara Dato' Seri Khir dan Datin Seri Zaharah dengan PNSB khususnya dengan Datin Khairiah tidak boleh diabaikan untuk memahami modus operandi yang digunakan untuk menyalahgunakan sumber PNSB bagi kepentingan peribadi.
73. PNSB telah menanggung perbelanjaan untuk Program Lawatan Teknikal Bagi Rancangan Pembangunan Strategik Industri Batik Negeri Selangor ke Jakarta pada 20hb hingga 24hb April 2003 di mana sejumlah RM37,679.00 telah dibelanjakan. Dato' Seri Khir, Datin Seri Zaharah, anak perempuan mereka Nurul Asiqin bt Mohamad Khir dan pembantu rumah bernama Sunarti Kayan turut menyertai rombongan ini.

²² M/s 90 Ikatan Dokumen, Ruj. V.28/03 dan V55/03

²³ M/s 90 Ikatan Dokumen, Ruj. V39/06 dan V41/06

74. Pada 17hb hingga 24hb Disember, 2004, atas nama lawatan teknikal ke Morocco disusuli dengan kunjungan ke Disneyland Paris dan Dubai, PNSB membelanjakan RM900,812.00 di mana Dato' Seri Khir dan isteri bersama dengan 3 orang anak dan seorang pembantu rumah juga menyertai rombongan ini.
75. Pada 23hb Disember 2007 hingga 1hb Januari 2008, PNSB sekali lagi membelanjakan RM646,841 untuk lawatan teknikal ke Orlando dan Honolulu. Dato' Seri Khir, isterinya dan 4 orang anaknya juga menyertai rombongan ini.
76. Lawatan-lawatan teknikal ini walaupun dinamakan lawatan teknikal tetapi dari keterangan yang diberikan, tiada sebarang aspek teknikal yang terlibat. Datin Khairiah mengaku dalam keterangan beliau bahawa melainkan seorang *Quantity Survey*, tiada orang yang terlibat dalam teknikal yang menyertai rombongan tersebut.
77. Tiada laporan telah dibuat selepas kunjungan teknikal tersebut.
78. Tiada dokumen dikemukakan untuk membuktikan bahawa selaku pengerusi PNSB, Dato' Seri Khir berkecualan untuk membawa isteri bersama dalam lawatan ke luar negara dalam rombongan PNSB.

Pejabat Menteri Besar dan BALKIS

79. Pada 23.7.2001, Dato' Seri Khir selaku Menteri Besar menulis kepada Kementerian Luar Negeri meminta mengaturkan kunjung hormat ke Kedutaan Malaysia di Beijing oleh isterinya, Datin Seri Zaharah, yang mengetuai rombongan BALKIS ke Beijing pada 19hb hingga 23 hb Ogos, 2001²⁴.
80. Pada 4hb September 2001, Dato' Seri Khir selaku Menteri Besar menulis surat kepada isterinya, Datin Seri Zaharah, selaku Pengerusi BALKIS menyokong permohonan bantuan kewangan untuk seorang pelajar²⁵.
81. Pada 4.9.2001, Dato' Seri Khir selaku Menteri Besar menulis kepada isterinya, Datin Seri Zaharah, selaku pengerusi BALKIS memberi sokongan untuk kerusi roda dan bantuan kewangan kepada 3 orang²⁶.

²⁴ M/s 145 Ikatan Dokumen

²⁵ M/s 151 Ikatan Dokumen

82. Pada 24.7.2002, Pegawai Khas Dato' Seri Khir telah menulis kepada Pengarah Urusan SP Setia Bhd Group merakamkan penghargaan kepada syarikat tersebut atas kesudian menderma RM500,000.00 untuk Jamuan Malam BALKIS pada 2002²⁷.
83. Pada 20.8.2003, Dato' Seri Khir melalui Ketua Setiausaha Sulitnya menghantar Borang Inden Kerja kepada Majlis Daerah Sabak Bernam memberi arahan supaya pembayaran dibuat segera²⁸.
84. Pada 19hb Disember 2005, Dato' Seri Khir menulis kepada Bendahari BALKIS memohon sumbangan Tahun Baru Cina DUN Sg Panjang²⁹.
85. Pada 18.3.2006, Dato' Seri Khir melalui Ketua Setiausaha Sulitnya menulis kepada Pengerusi BALKIS, Datin Seri Zaharah, memohon sumbangan sebuah kerusi roda³⁰.
86. Pada 17hb September, 2007, Ketua Setiausaha Sulit Dato' Seri Khir, Puan Norzaton Aini binti Mohd Kassim ("Norzaton"), menulis kepada Kementerian Antarabangsa dan Industri memohon "*Approval Permit*" untuk mengimport kain sarong-batik dari Indonesia³¹.
87. Puan Norzaton mengakui dalam keterangannya bahawa surat tersebut bertujuan mempengaruhi keputusan pegawai di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.
88. Adalah jelas bahawa Dato' Seri Khir berusaha menggunakan kedudukan beliau selaku Menteri Besar untuk memperkukuhkan kedudukan dan pengaruh BALKIS.
89. Program BALKIS dibantu oleh pegawai kerajaan yang kanan dan wakil daripada anak-anak syarikat. Bantuan yang diberikan bukan setakat kewangan tetapi juga dari segi tenaga kerja.

²⁶ M/s 152 Ikatan Dokumen

²⁷ M/s 152 Ikatan Dokumen

²⁸ M/s 154 Ikatan Dokumen

²⁹ M/s 156 Ikatan Dokumen

³⁰ M/s 157 Ikatan Dokumen

³¹ M/s 165 Ikatan Dokumen

90. Sementara itu, apabila BALKIS menjadi berpengaruh, ia boleh diperalatkan untuk menggerakkan program yang boleh membantu Dato' Seri Khir.

RUMUSAN

91. BALKIS telah menjadi begitu berpengaruh dan peranan langsung Dato' Seri Khir sehinggakan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri, malah MAIS juga terpaksa menyediakan peruntukan yang cukup besar untuk menyokong operasi dan program BALKIS.
92. Kedudukan Dato' Seri Khir sebagai Menteri Besar dan juga pengerusi KDEB, PKPS, PKNS dan PNSB memudahkan lagi proses dan usaha beliau menyalurkan sumber kewangan kepada BALKIS.
93. Harus diingat bahawa dari tahun 2002 hingga 2007, BALKIS bukan sahaja telah mengumpul dana sejumlah RM7.3 juta daripada anak-anak syarikat kerajaan negeri malah ia juga berjaya memperoleh dana yang besar daripada pihak swasta.
94. Salah satu buktinya ialah surat penghargaan untuk derma RM 500,000.00 daripada Pejabat Menteri Besar kepada SP Setia Berhad.³²
95. Selain daripada itu, Puan Sri Asbi Rohani binti Asnan, bekas Yang Dipertua BALKIS yang memaklumkan SELCAT, pada 1997 apabila beliau berhenti menjadi presiden, BALKIS hanya mempunyai dana sebanyak RM3 juta.
96. SELCAT telah dimaklumkan oleh Puan Tairah binti Yusof, Pegawai Pendaftar, Pejabat Pendaftaran Pertubuhan-pertubuhan Selangor bahawa apabila BALKIS dibubarkan, baki sejumlah RM9.9 juta telah pun dipindahkan dari akaun BALKIS.
97. Sementara itu, dalam pelaksanaan CSR kepimpinan dan pengurusan yang lemah anak-anak syarikat Kerajaan Negeri menyebabkan tiada dasar, garis panduan atau kriteria yang ketat dan telus digubal untuk memastikan sumber kewangan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri digunakan dengan sebaik-baiknya dan bukan dibazirkan atas nama melaksanakan CSR.

³² M/s 153 Ikatan Dokumen

98. Syarat-syarat kelulusan sumbang kewangan oleh anak-anak syarikat seharusnya diperketat tetapi dengan syarat ia tidak menjejaskan kecekapan menguruskan permohonan sumbangan.
99. Program yang mewah dan memboros yang dilaksanakan oleh BALKIS adalah memalukan dan hendaklah dikutuk.
100. SELCAT juga berpendapat bahawa cara BALKIS dibubarkan dalam keadaan tergesa-gesa dan tanpa mematuhi malah melanggar Perlembagaan BALKIS dan Akta Pertubuhan-pertubuhan.
101. Pihak yang berkepentingan secara langsung atau tidak langsung membubarkan BALKIS telah melakukan satu perbuatan pecah amanah dan tindakan sedemikian amatlah tidak bermoral dan hendaklah dikutuk dengan sekerasnya-sekerasnya.
102. SELCAT juga kesal dengan keengganan jabatan Kerajaan Persekutuan iaitu ROS, Polis yang tidak memberi kerjasama sepenuhnya kepada SELCAT bagi memperkasakan peranan dan keupayaan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan.
103. Keputusan Menteri memberi pengecualian kepada BALKIS untuk dibubarkan tanpa mematuhi peruntukan dalam Akta Pertubuhan-pertubuhan amatlah tidak berprofesional dan dikesali.

CADANGAN DAN SARANAN

104. Dasar dan garis panduan pemberian sokongan kewangan harus ditetapkan oleh Kerajaan Negeri untuk semua Anak-anak syarikat dengan segera bagi mengelak kejadian BALKIS berulang pada masa hadapan.
105. Adalah dicadangkan agar satu tabung ditubuhkan bagi mengumpul semua sumbangan kewangan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang diperuntukkan untuk tujuan melaksanakan CSR.
106. Selepas itu, semua permohonan daripada pertubuhan-pertubuhan atau jabatan kerajaan boleh ditujukan kepada pengurus tabung tersebut untuk dipertimbangkan permohonan sedemikian. Ini adalah untuk memastikan sumbangan tersebut dapat diagihkan dengan adil dan menemui sasarannya.

107. Kerajaan Negeri hendaklah melantik mereka yang berkaliber dan berkelayakan dan mampu mempertahankan prinsip urus tadbir korporat ke dalam Lembaga Pengarah Anak-anak Syarikat.
108. Kerajaan Negeri hendaklah melantik Jawatankuasa Semakan untuk menyemak pentadbiran semua Anak-anak Syarikat demi mempertingkatkan mutu urus tadbir korporat.



(TENG CHANG KHIM)

Pengerusi

**JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN,
KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (SPECIAL SELECT COMMITTEE
ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY - SELCAT)**

Dewan Negeri Selangor
Bertarikh pada 26hb Jun 2009.

